

## PROSIDUR TAMBAH NILAI PERKHIDMATAN PRABAYAR BAGI BAYARAN SISTEM ESIJIL3P

### 1.0 PENDAHULUAN

Prabayar merupakan sistem kendalian Dagang Net Technologies Sdn Bhd (DNT) yang membolehkan pembayaran fi eSijil3P (pelabelan, pengredan dan pembungkusan) dibayar secara elektronik. Ia memberi kemudahan pemindahan dana dari syarikat pengimport/ pengekspor ke akaun DNT yang dihantar melalui sistem prabayar. Transaksi yang dibuat melalui sistem prabayar mengurangkan kesesakan di kaunter bayaran dan menjimatkan masa pengguna.

### 2.0 TUJUAN / SKOP

- i. Prosidur ini dikeluarkan untuk menetapkan panduan prosidur kemaskini tambah nilai prabayar untuk bayaran eSijil3P melalui sistem prabayar.
- ii. Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan operasi di seluruh cawangan Kedai EDI dan kiosk pembayaran.

### 3.0 PROSIDUR TAMBAH NILAI PRABAYAR

- i. **Tambah Nilai Prabayar yang dibuat sebelum 12.30 tengahari pada hari Isnin hingga Sabtu**
  - a) Kemaskini akaun akan dibuat sebelum pukul 5.30 petang pada hari yang sama
  - b) Pelanggan boleh melakukan transaksi dengan jumlah baki prabayar terkini selepas pukul 5.30 petang pada hari yang sama
- ii. **Tambah Nilai Prabayar yang dibuat selepas 12.30 tengahari pada hari Isnin hingga Jumaat**
  - a) Kemaskini akaun akan dibuat sebelum pukul 12.30 tengahari pada hari berikutnya
  - b) Pelanggan boleh melakukan transaksi dengan jumlah baki prabayar terkini selepas pukul 12.30 tengahari pada hari berikutnya
- iii. **Tambah Niai yang dibuat selepas pukul 12.30 tengahari pada hari Sabtu dan bila-bila masa pada hari Ahad**
  - a) Kemaskini akaun akan dibuat sebelum pukul 12.30 tengahari pada hari Isnin
  - b) Pelanggan boleh melakukan transaksi dengan jumlah baki prabayar terkini selepas pukul 12.30 tengahari pada hari Isnin

### 4.0 KESIMPULAN

Sekiranya terdapat sebarang persoalan atau kesulitan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan (Careline) DNT di talian 1-300-133-133 atau email kepada [carelne@dagangnet.com](mailto:carelne@dagangnet.com). Untuk maklumat lanjut mengenai sistem prabayar sila rujuk *Frequently Asked Question (FAQ)* dan Manual Pengguna Prabayar yang terdapat dilaman sesawang [www.e3p.fama.gov.my](http://www.e3p.fama.gov.my).